


Gurauan Misbun jadi kenyataan

Kuala Lumpur: Datuk Dr Misbun Sidek terkejut apabila dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pembangunan Insan oleh Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

Kelmarin, Misbun menerima anugerah disampaikan Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang juga Pro Canselor UTHM dalam majlis konvokesyen pusat pendidikan tinggi terbabit.

“Dulu saya pernah bergu-



MISBUN (kiri) menerima ijazah daripada Tunku Ismail.

rau dengan rakan-rakan satu hari nanti saya ingin bergelar doktor tapi hari ini ia menjadi kenyataan. Saya terkejut kerana gelaran ini hanya layak

bagi mereka yang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi,” katanya.

Hakikatnya, anugerah itu dianggap satu pengiktirafan

terhadap sumbangan Misbun kepada dunia badminton tempatan kerana ilmu yang dicurahkanya terhadap bakat muda tempatan sejak 15 tahun lalu tidak ternilai harganya.

“Saya pada mulanya menyuarakan hasrat menolak anugerah ini tapi pengurusan UTHM tegas meminta saya menerima penghargaan ini yang diberikan sebagai menghargai sumbangan saya terhadap badminton negara.

“Selepas difikir masak-masak, saya bersetuju menerima anugerah ini kerana ia diberikan sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan praktikal saya kepada badminton negara sejak 15 tahun lalu.

“Saya akan tetap terus membantu badminton negara dan berharap ia dapat meningkatkan lagi status Malaysia di mata dunia,” katanya.